

# UNISSA raikan Hari Bahasa Arab Sedunia



PEMANGKU Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammad Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (kiri) menerima cenderahati daripada Dekan Fakulti Bahasa Arab, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 21 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Bahasa Arab dengan kerjasama Badan Pelajar Fakulti Bahasa Arab meraikan sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia.

Menurut Dekan Fakulti Bahasa Arab, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad, Hari Bahasa Arab Sedunia disambut pada setiap 18 Disember bersempena pemilihan bahasa ini oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai salah satu bahasa rasmi pertubuhan tersebut.

Pengiktirafan bahasa Arab di peringkat dunia adalah tanda pengiktirafan kepada potensi besar bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran, bahasa ibadah, bahasa ilmu dan bahasa ketamadunan dunia.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam pula, menurut beliau bahasa Arab mempunyai peranan yang sangat penting dalam mengukuhkan lagi pengalaman beragama, penghayatan Al-Quran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kapasiti Brunei sebagai Negara Zikir.

## Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

UNISSA dalam hal ini, tambahannya berperanan sangat besar dan signifikan di mana menerusi Fakulti Bahasa Arab pelbagai program akademik dan non akademik telah dan sedang dipergiat dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa sesuai dengan keperluan agama, bangsa, negara dan masyarakat global.

Sambutan Hari Bahasa Arab ini juga turut dihayati oleh para pelajar UNISSA.

Awang Izzul Affi bin Haji Kifli selaku pengerusi Badan Pelajar Fakulti Bahasa Arab telah menyatakan pandangan beliau mengenai sambutan sebegini yang mampu menjadi penyuntik semangat kepada golongan pelajar terutama pelajar UNISSA untuk mempertingkatkan lagi kemahiran bahasa Arab bukan sahaja dengan mempraktikkannya semasa berada di dalam kelas bahkan juga dengan bergiat aktif dalam mana-mana aktiviti

bahasa Arab di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Dalam hal ini, badan dan fakulti sentiasa aktif dalam mempelbagaikan pendekatan dan penganjuran aktiviti bagi mengilap kemahiran pelajar terutama sekali dalam komunikasi.

Perasmian sambutan tersebut telah disempurnakan oleh Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammad Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Sebanyak empat program dan aktiviti telah dilancarkan semasa perasmian tersebut iaitu *newsletter* Badan Pelajar Fakulti Bahasa

Arab (dalam talian), program 'Mari Mempraktik Bahasa Arab', program 'Bahasa Arab Menerusi Skype' dan program 'Bahasa Arab Dengan Rakan Sebaya'.

Di samping pelancaran tersebut, pelbagai persembahan telah diadakan antaranya sesi perkongsian pengalaman belajar

## Bengkel Fardu Kifayah tunjuk ajar pengurusan jenazah

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

**BELAIT,** Sabtu, 21 Disember. - Apabila berlaku kematian seorang Islam, maka adalah menjadi kewajipan Fardu Kifayah bagi individu, ahli keluarga atau sebahagian anggota masyarakat untuk menyelenggarakan dan menguruskan jenazah tersebut dengan berhati-hati, lemah lembut, tidak kasar dan tidak melakukan sesuatu yang boleh mencabuli kehormatannya, bahkan berdosa jika kita menyakiti mayat, kerana dosa menyakitinya sama seperti dosa kita menyakitinya semasa hidupnya.

Sehubungan dengan itu, Kumpulan Muslimah Rizqah telah menganjurkan bengkel pengurusan jenazah yang diadakan di kediaman Pengerusi Muslimah Rizqah, Dayang Hajah Saemah Haji Kifli.

Bengkel tersebut memberi tunjuk ajar kepada ahli-ahli kumpulan itu mengenai apa yang perlu dilakukan apabila berlaku kematian dan cara-cara menguruskan jenazah dengan betul.

Semasa bengkel dijalankan, dua fasilitator daripada Pejabat Ugama Daerah Belait, Dayang Hajah Siti Fatimah binti Sheikh Haji Hussin dan Dayang Nazurah binti Ibrahim serta dibantu oleh Guru Ugama Terlatih, Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin turut diundang memberikan tunjuk ajar pada bengkel tersebut.

Bengkel yang mengambil masa lebih tiga jam itu dihasrat akan dapat memberi pengetahuan yang berguna kepada semua peserta yang terlibat.

Semasa temu bual bersama wakil Pengerusi Muslimah Rizqah, Dayang Nur Amanina binti Abdul Kudus berkata, Fardu Kifayah merupakan suatu ilmu yang perlu dipelajari oleh setiap Muslim.

Objektif bengkel adalah untuk menyampaikan kepentingan ilmu Fardu Kifayah bagi setiap Muslim dalam mengendalikannya penyempurnaan jenazah selain mendedahkan ahli-ahli Kumpulan Muslimah Rizqah dalam aktiviti bermanfaat, di samping mengeratkan hubungan silaturahim sesama mereka.



KUMPULAN Muslimah Rizqah menganjurkan bengkel pengurusan jenazah yang diadakan di kediaman Pengerusi Muslimah Rizqah, Dayang Hajah Saemah Haji Kifli di Kuala Belait.

bahasa Arab di dua buah universiti luar negara iaitu Universiti Sultan Mohammad V di Maghribi dan Universiti Sultan Qaboos di Kesultanan Oman selama dua semester pengajian.

Program-program sebegini adalah antara inisiatif Fakulti Bahasa Arab sebagai satu-satunya fakulti yang memfokuskan kepada pengajian bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam.

## HALUAN

# Bekerjasama mencemerlangkan pengajian tinggi Islam

Dari muka 2

Tidak diragukan bahawa kita adalah kalangan yang sama berfikir sedemikian itu. Kerana itu kita mahukan pengajian Islam akan cemerlang dan tetap cemerlang dalam era Revolusi Industri 4.0 dengan berusaha mewujudkan pembaharuan pendidikan di sekolah yang akan melahirkan generasi Islam yang Islami sekali pun nantinya ada di antara mereka berketerampilan dalam bidang-bidang teknologi dan industri atau berpraktik dalam bidang-bidang profesional lainnya.

Saya berkata sebegini ialah khusus merujuk kepada pengalaman di negara

kami Brunei Darussalam. Brunei memulakan persekolahan agama formal dalam tahun 1959 diikuti dengan persekolahan agama Arab dalam tahun 1965 dan 1966.

Kedua-duanya adalah dalam arus perdana sistem pendidikan nasional kami yang menjadikan pelajaran agama sebagai pelajaran teras dalam semua peringkat persekolahan dan pengajian.

Maknanya Brunei mencantumkan kedua-dua aliran pengajian dalam sistem pendidikannya Islam dan umum. Hal ini dapat dianggap suatu pendekatan yang realistik.

Dalam satu aspek pencantuman kedua-dua aliran itu ia menepati

impian untuk memajukan umat dengan menyediakan generasi yang berilmu maju jaya bersama kemajuan negara dan bangsanya namun tetap Islam dalam perwatakannya, sikap serta pembawaan.

Yang sedemikian itu sekurang-kurangnya ini menyatakan bahawa kami sangat menghargai gagasan besar ke arah mencemerlangkan pengajian Islam dalam era Revolusi Industri 4.0 yang menjadi tujuan dan harapan seminar ini.

Maka demikianlah adanya. Semoga celoteh seorang dari insan yang sempat bersama berada dengan anda di majlis pada hari ini, dalam usianya kini, akan ada gunanya.

Dan mengakhiri celoteh ini sukacita

saya merasmikan Seminar SeIPTI Ke-6 yang bertemakan 'Ke arah Kecemerlangan Pengajian Tinggi Islam Dalam Era Revolusi Industri 4.0' saya bertabarruk merasmikannya dengan firman Allah dalam Surah Taha, ayat 114 tafsirnya "Maka Maha Tinggi Allah yang Maha Menguasai lagi, Maha Benar. Dan janganlah engkau (Wahai Nabi Muhammad) tergesa-gesa membaca Al-Quran sebelum selesai diwahyukan kepadamu dan berdoaah : Ya Tuhanku! Tambailah aku ilmu."

Sekian.  
Wabillahit Taufik Walhidayah  
Wassalamu Alaikum Warahmatullahi  
Wabarakahtuh.